



KOLEJ YAYASAN SAAD

P.O. Box 495, Ayer Keroh
75670 Melaka

04/KYS/22/JLD. 27/005

1 Jun 2023

Ibu bapa Pelajar SPM 2022
Kolej Yayasan Saad Melaka

Tuan/Puan,

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), akan mengeluarkan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 pada 8 Jun 2023 (Khamis).

Para ibu bapa dan pelajar SPM 2022 boleh memperoleh keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 di kolej mulai pukul 11.00 pagi pada tarikh tersebut.

Semakan keputusan peperiksaan juga boleh dibuat melalui kaedah berikut:

- (i) Secara dalam talian di pautan **myresultspm.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 mulai pukul 10.00 pagi pada 8 Jun 2023 sehingga pukul 6.00 petang pada 14 Jun 2023; dan/atau
- (ii) Secara sistem pesanan ringkas (SMS) untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>Angka Giliran** dan hantar ke **15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10.00 pagi pada 8 Jun 2023 sehingga pukul 6.00 petang pada 14 Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

TAN CHEH LI

Pengetua